

TEMPAT ISTIMEWA SAYA

CERITA ASAL OLEH
PEBBLES

DILUKIS OLEH
DREWSCAPE



Adakah anda tahu tempat istimewa saya? Mari ikut saya dan kita akan menjelajahi tempat ini dengan kelima-lima deria kita. Anda juga akan mendapati bahawa tempat ini istimewa.

mc Marshall Cavendish
Education




Ministry of Education
SINGAPORE



PEBBLES / DREWSCAPE

TEMPAT ISTIMEWA SAYA

MINISTRY OF EDUCATION



TEMPAT ISTIMEWA SAYA

BAGAIMANA BUKUINI BOLEH DIGUNAKAN

Kanak-kanak secara semula jadi memiliki sifat ingin tahu. Memupuk dan mengekalkan rasa hairan dan ingin tahu menyediakan mereka untuk pembelajaran sepanjang hayat. Apabila mereka memerhati dunia di sekeliling mereka dan bertanyakan soalan, mereka lebih banyak mengetahui tentang sebab sesuatu perkara itu berlaku dan bagaimana sesuatu perkara dilakukan.

Watak utama dalam cerita ini sangat berminat dengan persekitaran di sekelilingnya. Apabila dia meneroka melalui derianya yang berbeza, dia bertanya soalan untuk membantunya memahami dunia ini. Anda mungkin ingin membaca cerita ini beberapa kali kepada kanak-kanak dan semasa proses tersebut, membantu mereka mengenal pasti dan menghargai kecenderungan deria rasa hairan dan ingin tahu. Berikut adalah beberapa cadangan:

Untuk Membantu Kanak-kanak Mengenal Pasti Kecenderungan Pembelajaran Rasa Hairan Dan Ingin Tahu

Soalan:

- Apakah yang dilihat/didengar/dibau oleh budak perempuan itu?
Apakah deria yang digunakan untuk memerhati persekitaran di sekelilingnya?
- Mengapakah budak perempuan itu sentiasa memulakan ayatnya dengan "Saya hairan...?"?

Untuk Membantu Kanak-kanak Menghargai Dan Mengamalkan Kecenderungan Pembelajaran Rasa Hairan Dan Ingin Tahu

Soalan:

- Apakah yang boleh dilakukan oleh budak perempuan itu untuk mencari jawapan bagi soalan-soalannya?
- Apabila anda mempunyai soalan tentang sesuatu, apakah yang boleh anda lakukan untuk mencari jawapannya?
- Bagaimanakah perasaan anda apabila anda dapat mencari jawapan bagi soalan-soalan anda?



TEMPAT ISTIMEWA SAYA

Cerita asal oleh Pebbles
Dilukis oleh Drewscape



Ministry of Education
SINGAPORE





**Mari ikut saya ke satu tempat
istimewa.**



Biar saya beri bayangannya.



Tempat itu penuh dengan warna-warna pelangi.



Di sana, ramai yang datang dengan berselipar sahaja.



Mengapakah dia bertuala di lehernya?



Tempat ini sungguh riuh! Saya boleh mendengar berbagai-bagai bahasa digunakan.



Dari manakah agaknya mereka itu?



**Dengar itu, bunyi telur diretakkan dan pinggan
yang sedang disusun.**



Bolehkah ikan saya mendengar bunyi-bunyi itu?



**Tempat ini membuat orang ramai berasa lapar.
Semua bau menyelerakan!**



Mengapakah semuanya berbau enak?



**Tempat ini sungguh sesak.
Orang ramai beratur menanti giliran mereka.**



Apakah yang mereka sedang fikirkan?



Di sana, terdapat berjenis-jenis pencuci mulut yang sedap.




**Apakah yang akan terjadi jika kita
campurkan kesemuanya?**



**Tempat ini memang menarik!
Saya melihat lelaki menuang air teh seperti air terjun.**



**Air teh itu tidak tumpah.
Mengapakah air itu tidak tumpah?**



Tempat ini menarik. Burung-burung juga suka ke sini.



**Apakah yang boleh saya lihat jika saya terbang
seperti burung?**

Apakah nama tempat istimewa ini?



Restoran?



Pasar
malam?

Tempat ini ialah ...





PUSAT
PENJAJA!

Mengenai Penulis

Pebbles ialah sekumpulan rakan yang mendapati bahawa mereka sebenarnya boleh menjadi penulis! Mereka suka singgah ke sebuah tempat istimewa untuk makan tengah hari bersama-sama. (Biar saya beri kamu petunjuk: tempat itu terdapat di Zion Road!) Di tempat istimewa ini, mereka menikmati makanan kegemaran mereka seperti char kway teow, nasi ayam dan mi udang. Mereka suka mengakhiri jamuan dengan ais kacang sebagai pencuci mulut.

Mengenai Pelukis

Andrew Tan (Drewscape) ilustrator dari Singapura. Dia gemar membaca dan melukis komik untuk keseronokan. Dia suka duduk di pusat-pusat makanan kerana di situ ada pelbagai pilihan makanan. Nasi ayam tanpa tulang dan lada kukus adalah antara makanan kegemarannya.

Acknowledgements

We would like to express our appreciation to the following parties for their contribution and assistance in making this publication possible:

- Mdm Sanifah Sanif from En-Naeem Mosque Kindergarten; and
- Curriculum Planning and Development Division, MOE.

**© 2014, Ministry of Education
Republic of Singapore**

Published by Marshall Cavendish Education

An imprint of Marshall Cavendish International (Singapore) Private Limited

Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196

Customer Service Hotline: (65) 6213 9444

E-mail: tmesales@sg.marshallcavendish.com

Website: www.marshallcavendish.com/education

Marshall Cavendish is a trademark of Times Publishing Limited.

First published 2014

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying or otherwise, without prior permission of the copyright holder.

ISBN 978-981-01-2805-0

Printed in Singapore by Times Printers, www.timesprinters.com

Designed by ampulets